

567:
MAHATHIR

1976

KUALA LUMPUR, 15 APRIL (BERNAMA) — KERAJAAN TELAH MENAMBAH ELAUN BAGI PEMEGANG-PEMENANG BIASISWA NEGARA INI DI BRITAIN KIRA-KIRA £8 SEBULAN UNTUK MEMBIAYAI BAYARAN TUTORIAL DAN BELANJA SARAAAN YANG TINGGI DI SANA.

TIMBALAN PERDANA MENTERI, DR. MAHATHIR MOHAMED BERKATA, KERAJAAN SENTIASA MENKAJI ELAUN YANG DIBERIKAN KEPADA PEMEGANG-PEMEGANG BIASISWA SEBERANG LAUT SELARAS DENGAN BELANJA SARAAAN DI SANA.

BELIAU MENYATAKAN DEMIKIAN KEPADA PARA PEMBERITA-PEMBERITA SELEPAS MENEMUI PESURUHJAYA TINGGI AUSTRALIA YANG AKAN TAMAT TEMPOH PERKHIDMATANNYA DI SINI, A.H. PARSONS DI PEJABATNYA DI BUKIT PERDANA.

DR. MAHATHIR YANG JUGA MENTERI PELAJARAN MENAMBAH, BELANJA SARAAAN DI BRITAIN TELAH MENINGKAT KIRA-KIRA 17 HINGGA 22 PERATUS DALAMASA BEBERAPA TAHUN KEBELAKANGAN INI DAN ADALAH WAJAR BAGI KERAJAAN MALAYSIA MENAMBAH ELAUN PARA PELAJAR MALAYSIA DI SANA.

MENGENAI RUNDINGANNYA DENGAN ENCIK PARSON, BELIAU BERKATA: +KAMI TELAH MEMBINCANGKAN BERBAGAI PERKARA KEPENTINGAN BERSAMA.+ ANTARANYA IALAH KEMUNGKINAN MERAPATKAN LAGI JURANG PERDAGANGAN ANTARA KEDUA NEGARA.

MENURUT TIMBALAN PERDANA MENTERI, PERSEIMBANGAN PERDAGANGAN SEKARANG LEBIH MENGUNTUNGGAN AUSTRALIA, IAITU DENGAN NISBAH KIRA-KIRA TIGA DENGAN SATU.—BERSAMBUNG 1524/BY

568:
MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

DR. MAHATHIR MENAMBAH, PESURUHJAYA TINGGI AUSTRALIA ITU TELAH MENYATAKAN KEPADANYA BAHAWA +LAMBAT LAUN AUSTRALIA TERPAKSA MENGHADKAN BILANGAN PELAJAR MALAYSIA YANG BELAJAR DI SANA.+

INI, KATANYA, IALAH KERANA AUSTRALIA INGIN MEMBERIKAN KEUTAMAAN DAN LEBIH BANYAK PELUANG PELAJARAN KEPADA WARGANEGARANYA SENDIRI.

KATANYA, 70 PERATUS DARI PELAJAR MALAYSIA YANG PERGI KE AUSTRALIA TIDAK PULANG KE TANAH AIR SELEPAS TAMAT PELAJARAN MEREKA.

KERAJAAN MAHU MELIHAT SEMUA PELAJAR NEGARA INI YANG BELAJAR DI LUAR NEGERI, PULANG DAN MEMBERIKAN KHIDMAT MEREKA KEPADA MALAYSIA, TAMBAHNYA.

DR. MAHATHIR JUGA TELAH MEMBINCANGKAN TENTANG +PENGALIRAN BIJAK PANDAI+ DARI NEGARA INI KE AUSTRALIA.—BERNAMA 1528/BY